

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA  
BIN MD. RAMLI [LUMUT]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ LUMUT ] minta  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan sejauh mana pihak Kementerian serius untuk menggantikan  
industri kelapa sawit dengan industri buluh.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan oleh Yang Berhormat Kemaman pada 16 Julai 2020 dan Yang Berhormat Pokok Sena pada 13 Ogos 2020 mengenai pelan strategi dan tumpuan untuk membangunkan industri buluh serta prospek masa depan industri ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian tidak berhasrat untuk menggantikan komoditi utama negara iaitu kelapa sawit dengan tanaman buluh. Apa yang dilakukan oleh Kementerian ialah memperkasakan lagi industri sawit dengan kajian teknologi terkini sawit, memperluaskan pasaran di luar negara, mempelbagaikan produk nilai tambah makanan berasaskan sawit di peringkat antarabangsa menerusi pelbagai lagi kajian kebaikan dan manfaat sawit kepada dunia. Dalam masa yang sama Kementerian menerokai peluang buluh sebagai satu lagi komoditi masa depan di samping pelbagai lagi produk komoditi lain.

Bagi membangunkan industri buluh, Kementerian telah menyenaraikan buluh sebagai salah satu tanaman hutan yang perlu dikomersilkan menerusi Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) bersama-sama dengan 8 lagi spesies tanaman hutan iaitu Getah TLC, Akasia, Kelampayan/Laran, Batai, Jati, Binuang, khaya dan Sentang.

PPLH diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2005 dengan kelulusan dasar berjumlah RM1.045 bilion dan peruntukan disalurkan secara tahunan dengan peruntukan awal pada tahun 2006. PPLH telah dilaksanakan dengan kalulusan pinjaman bermula pada tahun 2007. Manakala spesis buluh telah disenaraikan dalam PPLH pada tahun 2014 dengan saiz minimum 20 hektar dan mulai tahun 2020, saiz minimum bagi PPLH telah diturunkan kepada 4 hektar. Baki terkini peruntukan PPLH adalah berjumlah RM85 juta. Kementerian saya sedang dalam proses mengubah skim pinjaman ini kepada pembiayaan patuh syariah.

## NO. SOALAN : 6

Bagi membangunkan lagi industri buluh, Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kini sedang dalam proses menghasilkan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Malaysia 2021-2030. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bengkel pertama yang melibatkan pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, institut pengajian tinggi dan penggiat industri buluh telah pun diadakan pada 30 Jun 2020. Susulan itu, beberapa siri bengkel dan konsultasi juga akan terus diadakan bagi menghasilkan Pelan Tindakan yang lebih komprehensif dan berimpak tinggi.

Selain itu, kementerian juga telah menjalankan pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang bagi membangunkan industri buluh di Malaysia. Antaranya:

- i. Membangunkan piawaian antara bangsa berkaitan buluh dan produk buluh;
- ii. Menjalankan kerjasama R&D dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam pembangunan produk berasaskan buluh seperti venir, papan laminasi dan arang;
- iii. Menjalankan promosi seperti penganjuran *World Bamboo Day* dan *ASEAN Bamboo Symposium* yang melibatkan peserta tempatan dan luar negara;
- iv. Membina infrastruktur dan bangunan ikonik berasaskan buluh dengan kerjasama Kerajaan dan swasta seperti Masjid Buluh di Kuala Kangsar, Perak dan Gua Musang, Kelantan, Bamboo Playhouse di Lake Garden, Kuala Lumpur serta *Bamboo Village* di Ulu Langat, Selangor serta Surau Buluh di Kuala Terengganu dijangka siap pada penghujung tahun 2020; dan
- v. Meneruskan program-program pembangunan industri buluh dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12).

Tuan Yang Dipertua,

Dari segi prospek buluh, secara umumnya, saiz pasaran buluh global adalah besar iaitu berjumlah USD68.80 bilion pada tahun 2018. Buluh boleh digunakan untuk menghasilkan papan lapis, perabot, makanan, fabrik, kraftangan, kutleri, pembinaan, eko-pelancongan dan bahan bakar seperti pembuatan arang dan pellet. Justeru, peluang pasaran ini perlu diteroka kerana Malaysia mempunyai kelebihan dari pelbagai segi untuk membangunkan industri buluh. Pokok buluh mudah ditanam dan dijaga serta mempunyai tempoh matang yang singkat iaitu di antara 3 hingga 4 tahun untuk dituai. Hasil yang mampu dijana melalui penanaman buluh adalah sebanyak RM64,000 sehektar.

Manakala, kos untuk tanaman buluh termasuk kos buruh, anak pokok, penyelenggaraan dan pengeluaran sehektar adalah sebanyak RM28,000. Dengan mengambil kira kos-kos terlibat, dijangkakan pendapatan bersih yang boleh diperoleh adalah sekitar RM36,000 sehektar.

Sekian, terima kasih.